



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**PENAMBAHBAIKAN JAWATANKUASA PENYELIDIKAN FAKULTI (JPF) DAN
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN NEGERI (JPN) DI BAWAH TADBIR URUS
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman berkenaan penambahbaikan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) di bawah Tadbir Urus Penyelidikan dan Inovasi.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) di peringkat Tier 3 (Operasi) di bawah Tadbir Urus Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) berperanan dalam hal ehwal berkaitan Penyelidikan, Penerbitan, Perundingan, Inovasi dan Pengkomersialan di peringkat Kolej Pengajian, Fakulti dan Kampus Cawangan.

2.2 JPF dan JPN telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (Khas) pada 1 September 2015 dan hebahan melalui Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan 3 Tahun 2016.

- 2.3 Cadangan pengemaskinian skop tugas penyelidikan JPF dan JPN yang dihasilkan telah melalui proses penelitian bersama di Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) serta Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) (MeTPI), ke-9 pada 26 hingga 27 Disember 2020, mendapati struktur serta governan penyelidikan dan inovasi sedia ada perlu ditambah baik supaya selaras dengan kehendak governan dan amalan semasa universiti.
- 2.4 Mesyuarat Senat ke 278 bertarikh 4 Januari 2022, telah memperaku dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU) Bil. 12/2021 bertarikh 15 Disember 2021, bersetuju dengan cadangan penambahbaikan JPF dan JPN.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Struktur Tadbir Urus JPF dan JPN boleh dirujuk di Sistem eGovPI melalui pautan <https://etncpi.uitm.edu.my/eGOV/login.php>
- (*Dashboard > Muat Turun Garis Panduan/ Tadbir Urus Penyelidikan & Inovasi > JPF / JPN*).
- 3.2 Templat slaid pelaporan JPF / JPN boleh dimuat turun di laman web Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) melalui pautan <https://bpsm-tncpi.uitm.edu.my/bpsm/>
- (*Muat turun > Pekeliling > Lebih lanjut > Pengurusan Sekretariat & Carta Alir > Templat slaid pelaporan JPF / JPN ke JKIPU*).
- 3.3 Takwim pelaporan JPF / JPN boleh dirujuk di laman web Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) melalui pautan <https://bpsm-tncpi.uitm.edu.my/bpsm/>
- (*Muat turun > Takwim > Lebih lanjut > Takwim pelaporan JPF / JPN ke JKIPU*).

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 Februari 2022.

5.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

6.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, Pekeling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan 3 Tahun 2016 sebelum ini adalah terbatal.

7.0 PEMAKAIAN

Pekeling ini adalah terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Universiti Teknologi MARA dan keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Kolej Pengajian, Fakulti dan Kampus Cawangan.



PROFESOR Ts. DR. NORAZAH ABD RAHMAN
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Salinan Kepada:
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Pengarah HICoE/CoE

Bil. Fail : 100-TNCPI (6/1)